

Headline	Stesen pengecasan EV mesti patuh syarat PBT, bomba		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Feb 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	25
ArticleSize	307 cm ²	Journalist	Mohd Zaky
PR Value	RM 30,614		



Stesen pengecasan EV mesti patuh syarat PBT, bomba

Agensi kerajaan diarah memudah cara urus lesen pastikan operasi lancar

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Pengusaha industri pengecasan kenderaan elektrik (EV) perlu memastikan semua syarat pelesenan daripada Suruhanjaya Tenaga dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuk ketetapan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dipatuhi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata agensi kerajaan yang terbabit diarahkan menyelaras dan memudahcara peraturan berkaitan

termasuk berkaitan dengan hal pelesenan bagi memastikan pembangunan serta pengoperasian stesen pengecas EV di seluruh negara berjalan dengan lancar.

“Kerajaan mengambil maklum akan cabaran semasa yang dihadapi oleh pihak penyedia perkhidmatan pengecasan EV dan saya mengarahkan agensi berkaitan menyelaras dan memudahcara.

“Ini akan membantu menyokong pembangunan ekosistem EV secara holistik, tanpa menjejaskan aspek keselamatan,” katanya dalam satu kenyataan.

Kenyataan menerusi Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) itu dikeluarkan selepas Mesyuarat Jawatankuasa EV Kebangsaan (NEVSC) yang pertama bagi 2024 dipengerusikan untuk julung kalinya oleh Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA).

Antara perkara yang dibincangkan dalam NEVSC ialah berkaitan usaha menambah

baik prosedur dan pelesenan stesen pengecas EV.

Menurut kenyataan itu, bagi menambah bilangan stesen pengecasan EV di lebuhraya, PLUS dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bersetuju untuk memudahcara proses pembangunan stesen pengecas di sepanjang Lebuhraya PLUS.

Kenal pasti lokasi strategik

Ini termasuk mengenal pasti lokasi strategik di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah di Lebuhraya PLUS.

“Selain itu, kerajaan meminta agar pembekalan kuasa elektrik di lokasi pembangunan pengecasan EV yang diluluskan di R&R sentiasa mencukupi dan pembangunan substesen baharu disegerakan di lokasi yang diperlukan,” kata MITI.

Mesyuarat juga dimaklumkan oleh Tenaga Nasional Bhd (TNB) bahawa syarikat utiliti nasional itu sedang meneliti kaedah penyum-

beran bekalan tenaga dan penggunaan tenaga mengikut waktu untuk menggalakkan aktiviti pengecasan EV menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui (RE).

Sementara itu, Menteri MITI, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, selain aktiviti pengecasan EV menggunakan sumber tenaga boleh diperbaharui, kerajaan juga menyambut baik cadangan untuk menggalakkan model perniagaan baharu bagi mengoptimumkan pengecasan EV pada waktu penggunaan grid yang rendah.

“Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Northport (Malaysia) Bhd telah membangkitkan isu berkaitan risiko keselamatan EV semasa pengendalian dalam aspek logistik.

“Oleh itu, mesyuarat bersetuju supaya garis panduan amalan baik berkenaan tatacara pengendalian EV semasa urusan logistik disediakan dalam tempoh enam bulan sebagai rujukan kepada industri,” katanya.